

PM manfaat kunjungan ke Abu Dhabi kukuh kerjasama serantau

Penyertaan Anwar dalam ADSW penting atas kapasiti Pengerusi ASEAN 2025

Daripada Najmuddin Najib
bhnews@bh.com.my
di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE)



Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan lawatan kerja selama tiga hari ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) bermula hari ini, akan memanfaatkan kunjungannya untuk meneroka peluang mengukuhkan kerjasama serantau atas kapasiti sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

Ini kerana, Minggu Kelestarian Abu Dhabi (ADSW) 2025 menjadi forum global pertama untuk Perdana Menteri menyatakan pendirian dan hala tuju Malaysia sebagai pengerusi blok serantau itu.

Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), Tengku Datuk Sirajuzzaman Tengku Mohamed Ariffin, berkata penyertaan Anwar bersama pemimpin lain dalam ADSW 2025 penting, memandangkan kepengerusian Malaysia dalam ASEAN bertepatan dengan tema Inklusiviti dan Kelestarian.

“Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Perdana Menteri akan me-

neroka peluang mengukuhkan kerjasama serantau, terutama dalam konteks peranan ASEAN mempromosi pembangunan lestari dan inovasi hijau di Asia Tenggara,” katanya pada sidang media kepada media Malaysia, semalam.

ADSW 2025 adalah acara utama pertama dalam kalendar kelestarian global, menyaksikan penyertaan pemimpin dari Eropah, Afrika, Asia Tengah dan kawasan lain membincangkan kaedah mempercepat peralihan ekonomi lestari dan mencari penyelesaian pertumbuhan sosioekonomi.

Seramai 12 ketua negara dan pemimpin kerajaan dijadual menghadiri acara itu terdiri daripada Presiden Azerbaijan, Ilham Aliyev; Presiden Kazakhstan, Kassym-Jomart Tokayev; Presiden Kenya, William Ruto; Presiden Nigeria, Bola Ahmed Tinubu; Presiden Rwanda, Paul Kagame; Presiden Seychelles, Wavel Ramkalawan; Presiden Uganda, Yoweri Museveni; Presiden Uzbekistan, Shavkat Mirziyoyev; Presiden Albania, Edi Rama; Perdana Menteri Finland, Petteri Orpo; Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni dan Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon.

Sementara itu, kunjungan Anwar ke UAE bermula semalam hingga Selasa adalah atas jemputan Naib Presiden UAE, Perdana Menteri dan Pemerintah Dubai, Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum.

Anwar diiringi Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri Pengajian Tinggi,



Tengku Sirajuzzaman ketika sidang media di Abu Dhabi. (Foto bernama)

Datuk Seri Zambry Abd Kadir serta pegawai kanan kerajaan.

Perdana Menteri akan memulakan lawatannya sejurus ketibaan hari ini dengan menghadap Pemerintah Dubai, diikuti pertemuan bersama tokoh korporat dari syarikat terbesar di UAE bagi membincangkan potensi pelaburan.

Kunjungan terakhir Perdana Menteri ke UAE pada Oktober 2023, menyaksikan Malaysia memperoleh komitmen pelaburan bernilai RM40.6 bilion (AS\$8.6 bilion).

Pada Selasa, Anwar dijadualkan menghadap Presiden UAE dan Pemerintah Abu Dhabi, Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan.

Perdana Menteri juga dijadual menyaksikan majlis pemetaraan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Menyeluruh Malaysia-UAE (CEPA), diikuti hadir ke majlis pembukaan ADSW serta majlis anugerah Hadiah Kelestarian Zayed bersama pemimpin global.

Beliau juga akan mengambil

bagian dalam sidang penuh dan terbabit dalam dialog bertajuk Masa Depan Berkaitan ASEAN: Menghubungkan Tenaga, Perdagangan dan Kemakmuran.

Bincang kukuh hubungan

Tengku Sirajuzzaman berkata, pertemuan Anwar bersama Pemerintah Abu Dhabi serta rakan sejawat, Emirati bakal membincangkan pengukuhan hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama.

Beliau berkata, selain isu serantau dan global yang penting, perbincangan juga akan memberi tumpuan kepada sektor utama seperti tenaga boleh diperbaharui, keselamatan makanan dan tenaga, kecerdasan buatan (AI) serta pusat data.

Mengenai CEPA, katanya, perjanjian itu akan membuka peluang baharu untuk perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Menyamakannya dengan perjanjian perdagangan bebas, Tengku Sirajuzzaman berkata, ia akan memberi tumpuan kepada meningkatkan dan memudahkan perdagangan antara UAE-Malaysia.

“Siri perbincangan sudah diadakan sebelum ini, diketuai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dimuktamadkan tahun lalu. Ini penting bagi hubungan Malaysia-UAE,” katanya.

Tengku Sirajuzzaman yang memulakan tugas sebagai Duta Besar pada September lalu, berkata UAE juga terbuka untuk menjalin kerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang.

“Beberapa keputusan kukuh mengenai kerjasama sudah dibuat dan akan diteruskan. Beberapa perkara masih dalam perbincangan tetapi akan diumumkan tidak lama lagi. Kita boleh jangka lebih banyak lawatan dan tahap kerjasama lebih tinggi pada masa akan datang,” katanya.

Mengenai potensi bidang kerjasama, beliau berkata, pusat data dan AI akan terus menjadi fokus.

“Persoalannya adalah dimana-mana kerjasama ini akan dilaksanakan. UAE sangat maju dalam penggunaan AI dan sudah beralih kepada aplikasi praktikal seperti dalam pengurusan bencana dan pertanian.

“Universiti Kecerdasan Buatan Mohamed Bin Zayed di UAE misalnya, sudah berusia 15 tahun.

“Penggunaan AI adalah seperti perlumbaan 400 meter tetapi bermula di titik 100 atau 200 meter. Ia memberi kelebihan yang jelas yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia,” katanya.